

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN**

**YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan untuk membenarkan ibadah umrah memandangkan Arab Saudi telah membenarkan semula ibadah umrah secara berperingkat mulai 4 Oktober lalu selepas tujuh bulan ditangguhkan berikutan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. YAB Perdana Menteri Malaysia pada 3 November 2020 telah mengeluarkan kenyataan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan Jemaah Malaysia mengerjakan ibadah umrah dalam tempoh terdekat ini.
2. Perkara ini diputuskan oleh Kerajaan atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia meskipun Kerajaan Arab Saudi mula membenarkan ibadah umrah dijalankan selama 10 hari.
3. Keselamatan dan kesihatan jemaah umrah Malaysia adalah diberi keutamaan. Kerajaan akan melakukan yang terbaik demi kepentingan rakyat Malaysia terutama jemaah umrah Malaysia yang mahu ke tanah Suci kelak. Sekian, terima kasih.